

AMALAN PENYEDIAAN DAN PENGGUNAAN AIR *RUQYAH* DALAM MASYARAKAT MELAYU: SATU ANALISIS HUKUM DAN BUDAYA

AN ISLAMIC LEGAL ANALYSIS AND CULTURAL ASPECTS OF RUQYAH WATER PRACTICES IN THE MALAY COMMUNITY

Juriah Mohd Amin¹
Muhammad Yusri Yusuf @ Salleh²
Fathiah Fathil³
Ahmad Rozaini Ali Hasan⁴
Masthurhah Ismail⁵

¹Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Malaysia,
(E-mail: juria876@uitm.edu.my)

²Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Malaysia,
(E-mail: yusri613@uitm.edu.my)

³Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Malaysia,
(E-mail: fathi397@uitm.edu.my)

⁴Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Malaysia,
(E-mail: ahmad@uitm.edu.my)

⁵Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Malaysia,
(E-mail: masth080@uitm.edu.my)

*Corresponding author

Article history

Received date : 19-6-2025

Revised date : 20-6-2025

Accepted date : 25-7-2025

Published date : 15-8-2025

To cite this document:

Amin, J. M., Salleh, M. Y. Y., Fathil, F., Hasan, A. R.
A. & Ismail, M. (2025). Amalan penyediaan dan
penggunaan air *ruqyah* dalam masyarakat Melayu:
Satu analisis hukum dan budaya. *Journal of Islamic,
Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (75),
583 - 593

Abstrak: *Amalan ruqyah merupakan satu bentuk rawatan yang berasaskan ayat-ayat al-Qur'an dan doa-doa ma'thur yang diamalkan dalam kalangan masyarakat Islam sebagai ikhtiar penyembuhan terhadap gangguan spiritual, penyakit fizikal dan keresahan jiwa. Dalam konteks masyarakat Melayu, penggunaan air ruqyah sebagai medium penyembuhan telah menjadi satu bentuk amalan yang meluas dan diwarisi secara turun-temurun. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis amalan penyediaan dan penggunaan air ruqyah dalam masyarakat Melayu dari dua dimensi utama: hukum Islam dan budaya tempatan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah analisis dokumen serta temu bual separa berstruktur dengan pengamal ruqyah dan tokoh agama tempatan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat pelbagai kaedah penyediaan air ruqyah, antaranya dengan membacakan ayat-ayat tertentu ke atas air, menghembus, dan menggunakan medium seperti air zamzam atau daun bidara. Dari sudut hukum, sebahagian besar amalan ini disandarkan kepada prinsip-prinsip syarak dan tidak bercanggah dengan akidah sekiranya berasaskan dalil*

yang sah. Namun, terdapat juga unsur-unsur budaya seperti penggunaan jampi turun-temurun, ritual tertentu, atau kebergantungan berlebihan kepada air ruqyah yang menimbulkan perbincangan fiqh dan teologi. Kajian ini mencadangkan agar amalan ruqyah distruktur secara lebih sistematik berlandaskan panduan syariah yang sah, di samping menghormati nilai budaya setempat yang tidak bertentangan dengan ajaran Islam.

Kata Kunci: *Air Ruqyah, Perubatan Islam, Perspektif Syariah, Budaya Melayu, Rawatan Spiritual*

Abstract: *Ruqyah is a form of healing practice rooted in the recitation of Qur'anic verses and prophetic supplications, widely adopted among Muslims as a means of addressing spiritual disturbances, physical ailments, and psychological distress. Within the Malay community, the use of ruqyah water as a healing medium has become a common and inherited tradition. This study aims to analyse the preparation and use of ruqyah water in the Malay society from two primary dimensions: Islamic legal rulings (fiqh) and local cultural practices. Employing a qualitative approach, this research utilises document analysis and semi-structured interviews with Islamic healers and local religious authorities. The findings reveal various methods in the preparation of ruqyah water, including reciting selected Qur'anic verses over water, blowing on it, and the use of specific types of water such as zamzam water, rainwater collected on Friday nights, water from seven mosque pools, water from wells in Makkah and Madinah, dew water, and water from sites considered spiritually significant. From the Islamic legal perspective, most of these practices are based on valid shariah principles and are not in conflict with Islamic creed when grounded in authentic evidence. However, certain cultural elements—such as the use of inherited incantations, ritualistic acts, or excessive reliance on ruqyah water—invite theological and fiqh-based scrutiny. This study recommends that ruqyah practices be systematised according to sound Islamic guidelines while acknowledging cultural values that do not contradict Islamic teachings.*

Keywords: *Ruqyah Water, Traditional Islamic Medicine, Shariah Perspective, Malay Culture, Spiritual Healing*

Pendahuluan

Ruqyah merupakan satu bentuk rawatan yang diiktiraf dalam Islam bagi menangani gangguan makhluk halus, sihir, penyakit rohani dan fizikal melalui bacaan ayat-ayat al-Quran dan doa-doa daripada sunnah Nabi SAW. Dalam masyarakat Melayu, *ruqyah* bukan sahaja dipraktikkan sebagai terapi rohaniah tetapi turut berkembang sebagai satu amalan budaya yang berakar dalam tradisi perubatan Islam tempatan. Antara bentuk *ruqyah* yang paling meluas diamalkan ialah penggunaan air *ruqyah*, iaitu air yang dibacakan ayat-ayat tertentu dan digunakan untuk diminum, mandi, atau dipercikkan ke sekeliling ruang kediaman. Menariknya, masyarakat Melayu tidak hanya menggunakan air paip biasa dalam penyediaan air *ruqyah*, malah pelbagai jenis air yang dipercayai mempunyai keberkatan turut digunakan. Antaranya ialah air zamzam, air tadahan malam Jumaat, air daripada tujuh kolam masjid, air embun, serta air dari telaga tertentu di Mekah dan Madinah atau di tempat-tempat yang dianggap suci dan berkat. Unsur budaya dalam pemilihan jenis air ini memperlihatkan integrasi antara kepercayaan tradisional dan panduan agama, meskipun dalam beberapa keadaan, ia berpotensi membawa kepada bentuk kebergantungan yang kurang tepat dari sudut akidah. Dalam kerangka ini, timbul persoalan sejauh mana amalan tersebut berlandaskan nas-nas syarak dan apakah implikasi budaya yang melatari penggunaannya. Justeru, kajian ini dijalankan bagi menganalisis amalan penyediaan

dan penggunaan air *ruqyah* dalam kalangan masyarakat Melayu dengan menilai kesesuaiannya dari sudut hukum Islam serta pengaruh budaya tempatan. Kajian ini penting bukan sahaja dalam memahami batasan syarak terhadap rawatan alternatif Islam, tetapi juga dalam menilai keperluan pendidikan masyarakat agar tidak terjerumus ke dalam unsur khurafat atau penyelewengan akidah yang halus sifatnya tetapi besar kesannya (Hamzah et al., 2024).

Sorotan Literatur

Ruqyah berasal daripada perkataan Arab *al-ruqyah* (الرُقْيَة) yang bermaksud bacaan atau jampi yang dibacakan sebagai doa untuk perlindungan dan penyembuhan (Ibrahim Mustafa, t.t). Dalam konteks Islam, *ruqyah* merujuk kepada bacaan ayat-ayat al-Quran dan doa-doa yang sabit daripada Rasulullah SAW yang dibacakan ke atas seseorang dengan tujuan untuk menyembuhkan penyakit zahir atau batin, menghindari gangguan makhluk halus, atau melindungi daripada sihir dan hasad dengki (Ibn al-Qayyim, t.t). *Ruqyah* yang berasaskan sumber-sumber sahih dan tidak bercanggah dengan prinsip tauhid dikenali sebagai *ruqyah syar'iyah*, dan ia dibenarkan serta diamalkan oleh Rasulullah SAW dan para sahabat. Air *ruqyah* pula ialah air yang telah dibacakan dengan ayat-ayat al-Qur'an, zikir atau doa yang sahih, dan dipercayai membawa kesan penyembuhan rohani serta jasmani dengan izin Allah SWT. Air ini biasanya digunakan untuk diminum, dimandi, atau dipercikkan ke tempat tertentu sebagai sebahagian daripada rawatan spiritual (Khadher & Ishak, 2011; Khadher, 2012).

Dalam masyarakat Melayu, penggunaan air *ruqyah* telah berkembang bukan sahaja sebagai kaedah rawatan Islamik, malah turut mencerminkan unsur budaya tempatan melalui pemilihan jenis air seperti air zamzam, air tadahan malam Jumaat, dan air dari tempat yang dianggap berkat. Oleh itu, penilaian terhadap amalan ini perlu merangkumi bukan sahaja aspek akidah dan fiqh, tetapi juga dimensi budaya yang mempengaruhi kefahaman dan pengamalan masyarakat (Yusof et al., 2021). Kajian terhadap amalan *ruqyah* dalam masyarakat Islam telah menarik minat para sarjana dari pelbagai disiplin, khususnya dalam bidang fiqh, akidah, sosiologi dan antropologi budaya (Nurhikmah, 2023). Sorotan ini dibahagikan kepada tiga komponen utama iaitu: (i) konsep *ruqyah* dalam Islam; (ii) penggunaan air sebagai medium rawatan; dan (iii) pengaruh budaya dalam perubatan Islam tradisional Melayu.

Pertama, konsep *ruqyah syar'iyah* dalam Islam secara umumnya telah diterangkan oleh para ulama sebagai satu bentuk rawatan yang dibenarkan syarak selagi mana ia tidak mengandungi unsur syirik, sihir, atau penggunaan jampi yang tidak difahami maknanya (Ibn Hajar al-'Asqalani, 1995). *Ruqyah* yang berasaskan ayat al-Quran dan doa-doa ma'thur dianggap sah dan berkesan dalam membantu proses penyembuhan secara spiritual (Al-Qaradawi, 1999). Menurut Al-Suyuti (t.t), Nabi Muhammad SAW sendiri membenarkan sahabat menggunakan *ruqyah* dengan syarat tidak bercanggah dengan prinsip tauhid. Kajian oleh Yusoff et al. (2022) turut menjelaskan bahawa *ruqyah syar'iyah* telah berkembang sebagai sebahagian daripada rawatan alternatif Islam yang mendapat tempat dalam kalangan masyarakat moden.

Kedua, penggunaan air dalam *ruqyah* pula merupakan satu elemen penting yang sering dipraktikkan oleh pengamal perubatan Islam. Air dianggap sebagai medium yang suci dan boleh menyerap getaran spiritual daripada bacaan ayat al-Quran (Al-Khathib, 2003). Kajian oleh Indah et al. (2025) menyatakan bahawa air *ruqyah* digunakan untuk diminum, dimandi atau dipercik ke tempat kediaman sebagai usaha penyucian dan perlindungan daripada gangguan makhluk halus. Dalam masyarakat Melayu, jenis air yang digunakan termasuklah air zamzam, air tadahan malam Jumaat, air tujuh kolah masjid, air embun, air dari telaga di Mekah dan Madinah serta air dari lokasi-lokasi yang dipercayai berkat. Walau bagaimanapun, menurut

kajian Muhammad Yusri (2023) kecenderungan berlebihan terhadap jenis air tertentu tanpa asas syarii yang kukuh boleh membawa kepada kepercayaan yang menyimpang.

Ketiga, pengaruh budaya dalam amalan perubatan Islam Melayu turut menjadi tumpuan dalam beberapa kajian terdahulu. Yusoff et al. (2023) menegaskan bahawa masyarakat Melayu sering menggabungkan elemen Islam dengan kepercayaan tempatan dalam rawatan tradisional, termasuk amalan *ruqyah*. Hal ini dibuktikan dalam kajian oleh Salleh et al. (2021) yang mendapati bahawa jampi lama, bacaan tertentu, serta penggunaan air dari tempat-tempat ‘keramat’ masih diamalkan dalam konteks masyarakat desa walaupun bercampur dengan ayat-ayat suci al-Quran. Isu ini menimbulkan perbincangan dalam kalangan ilmuwan Islam kontemporari tentang sempadan antara budaya yang dibenarkan dan amalan khurafat yang perlu ditolak (Muhammad Yusri, 2023). Keseluruhannya, sorotan ini menunjukkan bahawa walaupun amalan air *ruqyah* mempunyai asas dalam Islam, pelaksanaannya dalam masyarakat Melayu turut dipengaruhi oleh unsur budaya yang memerlukan penelitian fiqh dan pemahaman akidah yang lebih mendalam. Kajian ini diharapkan dapat mengisi jurang literatur dengan menawarkan satu analisis komprehensif terhadap dimensi hukum dan budaya yang melingkari amalan air *ruqyah* dalam konteks tempatan.

Metodologi

Kajian ini adalah kajian kualitatif di mana penulis telah menggunakan dua kaedah utama iaitu kaedah analisis dokumen dan kaedah kajian lapangan bagi mendapatkan data kajian. Menerusi kaedah analisis dokumen, penulis meneliti dokumen-dokumen yang diperolehi samada buku, artikel, jurnal, majalah dan prosiding berkaitan dengan isu kajian. Manakala untuk kaedah temu bual pula, butirannya adalah seperti berikut:

1. Peserta Kajian 1 (PK1) (2025). Temu bual pada jam 5 petang bertarikh 3 April 2025 petang di Wakaf Bharu, Kelantan.
2. Peserta Kajian 2 (PK2) (2025). Temu bual pada jam 3.30 petang bertarikh 2 Mei di Seri Iskandar, Perak.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Dalam amalan *ruqyah* masyarakat Melayu, air bukan sekadar medium fizikal, bahkan dianggap sebagai rawatan spiritual yang berfungsi dalam proses penyembuhan dan pelindung daripada gangguan ghaib. Dapatan kajian menunjukkan bahawa masyarakat Melayu menggunakan pelbagai jenis air dalam penyediaan air *ruqyah*, yang dipilih berdasarkan simbol keberkatan, keaslian sumber serta nilai spiritual yang diwarisi secara turun-temurun. Antara jenis air yang paling lazim digunakan ialah air zamzam, yang mempunyai kedudukan istimewa dalam Islam sebagai air yang diberkati dan disebut secara langsung dalam riwayat hadis (lihat : *Sahih Muslim*, no 2473). Penggunaannya dalam *ruqyah* dianggap bukan sahaja dibenarkan syarak, malah dianjurkan kerana sabit kelebihan dalam sunnah. Di samping itu, air tadahan malam Jumaat, iaitu air hujan yang dikumpul pada malam hari Jumaat, turut digunakan kerana dipercayai malam tersebut mengandungi waktu mustajab doa. Air tersebut ditadah secara terus ke dalam bekas tanpa melalui tadahan lain atau melalui saluran bumbung, paip dan sebagainya. Ia ditadah di kawasan lapang atau di atas bumbung rumah pada sebelah malam (hari Khamis malam Jumaat) iaitu bermula dari waktu maghrib sehingga subuh keesokan harinya. Waktu yang terbaik untuk menadah air tersebut adalah selepas tengah malam kerana kualiti airnya adalah lebih bersih jika dibanding dengan waktu sebelumnya (Haron Din, 2011). Walaupun tidak terdapat dalil khusus tentang kelebihan air tadahan malam Jumaat, ia diamalkan secara meluas atas dasar simbolik dan keyakinan terhadap keberkatan hari tersebut.

Turut direkodkan ialah penggunaan air dari tujuh kolah masjid, iaitu air yang diambil dari kolah tujuh buah masjid berasingan, biasanya dalam satu kawasan atau daerah. Amalan ini sering dikaitkan dengan kepercayaan bahawa pengumpulan air dari tempat ibadah meningkatkan kekuatan *ruqyah* melalui keberkatan tempat suci. Ada yang berpandangan air kolah masjid sentiasa diterapkan dengan bacaan azan lima kali sehari dan juga bacaan ayat-ayat suci al-Quran. Kegunaan air kolah ini adalah untuk tujuan dibuat mandi sahaja (Ariffin Ayub, <https://www.tiktok.com/@ustaz.ariffin.ayob/video/7292707613559508226>). Walau bagaimanapun, dari perspektif hukum, kepercayaan ini tidak mempunyai asas dalil syarii yang jelas, dan jika diyakini bahawa air tersebut mempunyai kuasa penyembuhan mutlak, ia boleh menjejaskan prinsip tauhid (Khoiriyah, 2023).

Selain itu, kajian turut menemukan penggunaan air embun yang dikumpul pada awal pagi, terutama selepas solat Subuh, dan air dari telaga tertentu seperti telaga di kawasan Mekah dan Madinah, atau telaga lama yang dikaitkan dengan sejarah wali atau ulama tempatan. Air-air ini dipercayai membawa ‘kesan keberkatan’ hasil daripada persekitaran atau sejarahnya yang dianggap mulia. Meskipun penghormatan terhadap tempat suci adalah dibenarkan dalam Islam, menjadikan air tersebut sebagai satu-satunya syarat keberkesanan *ruqyah* boleh menjurus kepada bentuk kebergantungan yang tidak seimbang menurut neraca akidah Islam. Terdapat juga pengamal perubatan yang menggunakan air dingin iaitu air yang dicampur dengan ais batu dengan menyandarkan kepada ayat 42 surah Sad berhubung kisah Nabi Ayyub a.s. Menurut Najib 'Afif & Mohd Zohdi (2022), pelaksanaan terapi air dingin ini tidak mengandungi perkara yang bertentangan dengan syarak.

Dari sudut kaedah penyediaannya, air *ruqyah* umumnya disediakan dengan cara membaca ayat-ayat al-Quran ke atas air tersebut, sama ada secara terus atau melalui tiupan lembut ke dalam air. Ayat-ayat yang dibaca lazimnya merangkumi al-Fatihah, Ayat Kursi, Surah al-Ikhlâs, al-Falaq dan an-Nas, selain ayat-ayat berkaitan syifa’ (penyembuhan) (Muhammad Yusri, 2023). Bacaan dilakukan sama ada oleh perugyah yang diiktiraf atau oleh individu sendiri yang telah mempelajari kaedah *ruqyah*. Dalam sesetengah keadaan, air tersebut juga dibacakan dengan doa-doa pelindung atau ditulis ayat-ayat al-Quran pada kertas kemudian dilarutkan ke dalam air - satu amalan yang turut menimbulkan perbincangan fiqh tentang kesesuaiannya - (Muhammad Fuad Ibrahim, 2024). Sebahagian pengamal juga menggunakan alat pembesar suara atau rakaman ayat al-Quran untuk ‘diperdengarkan’ kepada air, atas alasan bahawa getaran suara bacaan suci boleh memberi kesan terhadap struktur molekul air (Al-Kafi li al-Fatawi, 28 Sept 2016). Walaupun terdapat teori saintifik yang mengaitkan kesan frekuensi bacaan terhadap air, kesahihan praktis ini dari sudut syarak masih memerlukan penelitian lanjut. Secara keseluruhan, kaedah penyediaan air *ruqyah* dalam masyarakat Melayu menggambarkan satu bentuk adaptasi antara panduan *ruqyah syar’iyyah* dan amalan tempatan yang bersifat budaya. Justeru, penilaian berasaskan ilmu fiqh dan akidah amat penting bagi memastikan amalan yang dilakukan tidak tergelincir daripada landasan tauhid. Amalan yang tidak bercanggah dengan syariat boleh diteruskan sebagai sebahagian daripada warisan penyembuhan Islam, namun ia perlu dibimbing dengan ilmu agar tidak berlaku keterlanjuran dalam kepercayaan dan pengamalan (Omar, 2024).

Hasil kajian menunjukkan bahawa amalan penyediaan dan penggunaan air *ruqyah* dalam masyarakat Melayu merupakan satu bentuk rawatan spiritual yang kompleks, merangkumi elemen syariah dan budaya secara serentak. Dapat dirumuskan bahawa kaedah penyediaan air *ruqyah* di Malaysia sangat pelbagai dan tidak seragam, bergantung kepada latar belakang pendidikan, aliran keilmuan, serta warisan budaya tempatan yang mempengaruhi pengamal.

Secara asasnya, semua peruqyah bersetuju bahawa air *ruqyah* mesti dibaca dengan ayat-ayat al-Qur'an seperti al-Fatihah, ayat Kursi, Surah al-Ikhlâs, al-Falaq dan an-Nas. Terdapat juga pengamal yang menambah dengan bacaan doa-doa tertentu daripada hadis yang sahih. Air tersebut kemudian ditiup, dihembus, atau disiram dengan jampi secara perlahan ke dalam air sambil niat penyembuhan ditetapkan. Namun begitu, terdapat perbezaan ketara dalam pemilihan jenis air yang digunakan. Antaranya termasuk air zamzam, air embun yang dikumpul pada waktu Subuh, air tadahan malam Jumaat, air dari tujuh kolah masjid, serta air dari telaga yang diambil dari lokasi-lokasi suci seperti Mekah dan Madinah. Penggunaan air-air ini dikaitkan dengan simbol keberkatan dan kekuatan rohani, walaupun sebahagiannya tidak mempunyai sandaran dalil yang jelas dalam nas syarak (PK 2, 2025).

Dari sudut hukum Islam, kebanyakan amalan ini berada dalam lingkungan harus selagi mana tidak berlaku unsur kesyirikan, kebergantungan mutlak kepada air, atau penggunaan jampi yang tidak difahami. Walau bagaimanapun, ada juga yang menunjukkan kecenderungan kepada kepercayaan bahawa keberkesanan *ruqyah* sangat bergantung kepada jenis air tertentu, seperti air dari telaga keramat atau air embun yang dikumpul pada malam tertentu (PK1, 2025). Hal ini menimbulkan isu akidah apabila dipercayai bahawa air itu sendiri mempunyai kuasa penyembuh mutlak, bukannya izin Allah SWT. Fenomena ini selari dengan dapatan Muhammad Yusri (2023) dan Azlini & Husna (2025) yang menyatakan bahawa terdapat unsur kebergantungan berlebihan kepada medium rawatan sehingga menjejaskan prinsip tauhid. Selain itu, dapatan juga menunjukkan bahawa elemen budaya tempatan memainkan peranan penting dalam mencorak persepsi dan pelaksanaan *ruqyah*. Di beberapa kawasan luar bandar, amalan menggunakan air *ruqyah* dicampur dengan jampi lama yang diwarisi secara lisan dari keturunan terdahulu masih diamalkan. Terdapat juga informan yang menceritakan amalan memandikan pesakit di tempat-tempat tertentu seperti sungai, telaga lama atau kawasan yang dikatakan "bertuah" (PK1, 2025). Walaupun bertujuan untuk rawatan, amalan-amalan ini sebenarnya boleh membuka ruang kepada fahaman sinkretisme dan kebergantungan terhadap unsur ghaib yang tidak disahkan dalam ajaran Islam (PK2, 2025).

Sinkretisme merupakan satu fenomena sosial dan keagamaan yang merujuk kepada proses percampuran atau pencantuman unsur-unsur kepercayaan, amalan, dan simbol daripada dua atau lebih tradisi agama atau budaya yang berbeza sehingga membentuk satu sistem kepercayaan baharu. Dalam erti kata lain, sinkretisme berlaku apabila kepercayaan luar atau asing diserap masuk dan digabungkan dengan amalan tempatan, sama ada secara sengaja atau tidak, lalu mewujudkan satu bentuk amalan keagamaan yang tidak lagi asli. Istilah ini sering digunakan dalam disiplin seperti antropologi, sosiologi, dan kajian agama untuk merujuk kepada keadaan di mana sesebuah masyarakat cuba menyesuaikan unsur agama baru dengan kepercayaan lama yang telah berakar umbi dalam budaya mereka. Fenomena ini amat jelas kelihatan dalam sejarah perkembangan agama-agama di dunia, termasuk dalam konteks masyarakat Melayu. Sebagai contoh, sesetengah amalan masyarakat Melayu yang berakar daripada kepercayaan animisme atau pengaruh Hindu-Buddha telah diserap dan disandarkan kepada Islam, lalu diamalkan sebagai sebahagian daripada budaya "Islam Melayu". Antaranya ialah amalan menggunakan jampi serapah yang mencampuradukkan ayat al-Quran dengan mantera lama, atau ritual mandi tolak bala yang kononnya dilakukan atas nama penyucian rohani tetapi sebenarnya mengandungi unsur-unsur pemujaan makhluk halus dan kepercayaan khurafat. Dalam banyak kes, amalan-amalan sebegini tidak dinilai secara kritikal oleh masyarakat, malah diwarisi secara turun-temurun atas nama tradisi tanpa pengetahuan yang jelas mengenai status hukumnya dari sudut syarak (Ulumi, 2024).

Dari perspektif Islam, sinkretisme merupakan satu bentuk penyimpangan akidah yang serius. Islam menuntut keikhlasan yang murni dalam beribadah kepada Allah SWT tanpa dicampuri sebarang unsur luar yang tidak bersumberkan al-Quran dan as-Sunnah. Oleh itu, segala bentuk pencampuran akidah dan ibadah, khususnya yang melibatkan pemujaan makhluk halus, penggunaan azimat, tangkal, atau kepercayaan kepada kuasa luar biasa selain Allah, adalah ditolak secara mutlak. Firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 120 menyatakan bahawa petunjuk Allah sahajalah petunjuk yang sebenar, menandakan bahawa tiada ruang kompromi dalam hal keesaan dan ketulenan ajaran Islam. Justeru, sebarang unsur kepercayaan atau amalan yang mengandungi pengaruh luar, sekiranya tidak disaring melalui neraca syariah, boleh membawa kepada kesyirikan, bidaah, atau sekurang-kurangnya kerosakan akhlak dan kekeliruan akidah dalam kalangan umat Islam. Kesimpulannya, sinkretisme bukan sekadar isu budaya atau warisan, tetapi merupakan cabaran besar kepada pemurnian akidah dan ibadah umat Islam. Ia menuntut pendekatan yang serius dan bijaksana dalam pendidikan agama serta dakwah masyarakat. Umat Islam perlu dididik agar mengenali perbezaan antara ajaran Islam yang tulen dengan amalan tradisi yang telah disaluti unsur-unsur luar yang bercanggah dengan syariat. Dengan pencerahan ilmu dan bimbingan ulama yang berautoriti, diharapkan umat Islam akan lebih cakna dan berwaspada dalam menilai serta memelihara kemurnian akidah mereka daripada unsur-unsur sinkretik yang merosakkan (Aedi, 2025).

Jadual 1: Kaedah Penyediaan Air Ruqyah & Penilaian Hukum

Jenis Air	Sumber Air	Kaedah Penyediaan	Penilaian Hukum Islam
Air Zamzam	Telaga Zamzam di Masjidil Haram, Makkah	Dibacakan ayat al-Quran dan doa <i>ma'thur</i>	Dianjurkan dan sah dalam sunnah
Air Tadahan Malam Jumaat	Hujan yang dikumpul pada malam Jumaat	Dibacakan ayat al-Quran selepas ditadah	Harus selagi tidak diyakini ada kuasa mutlak
Air Tujuh Kolah Masjid	Air dari kolah tujuh masjid berbeza	Dikumpulkan dan dibacakan ayat <i>ruqyah</i>	Perlu berhati-hati; tiada dalil khusus
Air Embun Subuh	Embun pagi dikumpul selepas Subuh	Dibacakan ayat al-Quran atau digunakan terus	Harus; namun bergantung kepada niat dan kepercayaan
Air Telaga Mekah/ Madinah	Telaga bersejarah di Tanah Haram	Dibacakan <i>ruqyah</i> secara individu atau oleh peruqyah	Harus; tiada larangan tetapi jangan disandarkan keberkatan mutlak
Air Telaga Tempatan yang Dianggap Berkat	Telaga lama yang dikaitkan dengan wali atau sejarah tempatan	Dibacakan ayat <i>ruqyah</i> dengan kepercayaan kesan sejarah	Perlu diteliti; boleh menjurus kepada khurafat jika tiada asas syarii
Air Dingin	Air yang dimasukkan ais	Dibacakan ayat <i>ruqyah</i> selepas dimasukkan ais	Harus digunakan
Air Pinggan Putih	Air minuman/ air mineral	Air yang dilarutkan dengan tulisan ayat al-Quran yang ditulis pada permukaan pinggan/mangkuk	Harus digunakan selagi tiada unsur syirik

Sumber: Analisis Pengkaji

Dalam konteks rawatan *ruqyah* dan kepercayaan masyarakat, terdapat beberapa bentuk penggunaan air yang tidak menepati syariat Islam secara total, khususnya apabila ia dikaitkan dengan amalan yang bercanggah dengan akidah dan hukum syarak. Pertama, air yang dijampi dengan mantera atau bacaan yang bukan bersumberkan al-Quran dan hadis merupakan antara bentuk penyalahgunaan yang serius. Penggunaan bacaan dalam bahasa yang tidak difahami, terutamanya yang berasal daripada ajaran sesat, amalan bomoh, atau ilmu sihir, membawa kepada penyimpangan yang nyata. Sekiranya jampi tersebut mengandungi unsur pemujaan makhluk halus atau menyeru nama selain Allah, maka hukum penggunaannya adalah haram dan boleh jatuh kepada syirik, yang merosakkan akidah seorang Muslim (Abdullah, 2024).

Selain itu, air yang dicampur dengan bahan najis atau bahan haram juga termasuk dalam kategori yang tidak menepati syariat. Contohnya termasuk air yang dicampur darah haiwan, abu, tanah kubur, atau unsur tubuh manusia seperti rambut atau kuku. Air sebegini tidak lagi dikira suci dan tidak boleh digunakan untuk apa-apa tujuan ibadah, malah penggunaannya boleh membawa kepada dosa, apatah lagi jika disandarkan kepada kuasa ghaib atau kepercayaan batil. Tambahan pula, terdapat juga air yang digunakan bersama amalan khurafat seperti disimpan dalam tempat khas lalu diagungkan atau disembah, serta diperlakukan seperti azimat dan tangkal yang dipercayai mempunyai kuasa luar biasa. Amalan seperti ini bukan sahaja menyimpang daripada ajaran Islam, malah bercanggah dengan akidah dan termasuk dalam kategori amalan khurafat yang ditegah keras oleh syarak.

Islam juga secara tegas melarang penggunaan air bekas mandian jenazah dalam bentuk amalan yang membawa kepada penyelewengan. Antaranya ialah menggunakan air tersebut untuk tujuan sihir atau ilmu hitam, seperti menyimpannya untuk "pagar rumah", "mematikan semangat musuh", atau menjadikannya sebagai minyak pengasih. Amalan ini jelas haram dan boleh membawa kepada syirik kerana ia bergantung kepada kekuatan selain Allah. Begitu juga apabila air bekas mandian jenazah dipakai sebagai azimat atau pelaris perniagaan kerana dipercayai mengandungi "tenaga ghaib" atau "berkat roh" si mati, ia merupakan bentuk khurafat yang menyalahi akidah Islam. Tidak kurang juga, amalan membasuh kenderaan, rumah, atau pakaian dengan air tersebut kononnya untuk membuang sial atau menolak bala turut tergolong dalam bidaah dan sihir jika tidak didasari oleh dalil syarak yang sah. Kesemua bentuk amalan ini wajar ditolak dan dibanteras kerana bukan sahaja menyesatkan, malah mencemarkan kemurnian ajaran Islam (Muhammad Yusri, 2023).

Jadual 2: Air yang Tidak Menepati Syarak

Bil.	Jenis Air / Amalan	Penerangan Ringkas	Status Hukum
1.	Air jampi dengan mantera bukan dari al-Quran dan hadis	Menggunakan bacaan yang tidak difahami, dari ajaran sesat, bomoh atau ilmu sihir; mengandungi pemujaan makhluk halus atau nama selain Allah.	Haram / Syirik
2.	Air yang dicampur bahan najis atau haram	Contoh: darah haiwan, abu, tanah kubur, rambut, kuku. Air dianggap tidak suci dan boleh membawa kepada dosa.	Haram / Najis

3.	Air yang disimpan dan diagungkan sebagai azimat atau tangkal	Diperlakukan seperti mempunyai kuasa luar biasa; dipercayai mampu membawa tuah, keberkatan atau perlindungan ghaib.	Syirik / Khurafat
4.	Air bekas mandian jenazah digunakan untuk tujuan sihir dan mistik	Contoh: pagar rumah, pelaris, pemikat, minyak pengasih. Bergantung kepada kekuatan selain Allah dan kepercayaan karut.	Haram / Syirik
5.	Air bekas mandian jenazah digunakan untuk buang sial / tolak bala	Digunakan untuk membasuh rumah, kenderaan atau pakaian dengan tujuan membuang sial tanpa dalil syarak yang sah.	Bidaah / Khurafat

Sumber: Analisis Pengkaji

Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan bahawa walaupun niat dan asas *ruqyah* adalah syarie dan dibenarkan dalam Islam, pelaksanaannya dalam masyarakat Melayu masih dipengaruhi oleh unsur-unsur budaya yang perlu diteliti dengan cermat. Justeru, perlu ada usaha pendidikan berterusan bagi mendidik masyarakat agar membezakan antara rawatan yang selari dengan syariah dan amalan yang bercanggah dengannya. Institusi agama juga wajar menyediakan garis panduan rasmi berkaitan penggunaan air *ruqyah* agar tidak terpesong dari landasan akidah yang benar.

Kesimpulan dan Saranan

Amalan penyediaan dan penggunaan air *ruqyah* dalam masyarakat Melayu memperlihatkan satu bentuk interaksi yang dinamik antara ajaran Islam dan warisan budaya tempatan. *Ruqyah*, sebagai satu bentuk rawatan yang berlandaskan bacaan ayat-ayat al-Quran dan doa-doa *ma'thur*, telah diiktiraf dalam Islam sebagai suatu ikhtiar yang sah untuk merawat penyakit fizikal dan gangguan spiritual. Dalam kalangan masyarakat Melayu, air *ruqyah* bukan sahaja dianggap sebagai medium penyembuhan tetapi turut dimaknai dengan unsur simbolik dan keberkatan yang tinggi, terutamanya apabila melibatkan jenis-jenis air tertentu seperti air zamzam, air embun, air dari tujuh kolah masjid, air tadahan malam Jumaat serta air dari telaga-telaga yang dianggap suci di Mekah, Madinah dan kawasan tertentu di tanah air. Namun, dapatan kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan amalan ini tidak seragam dan dipengaruhi oleh pelbagai faktor, termasuk latar belakang pendidikan pengamal, kepercayaan budaya yang diwarisi, serta kefahaman masyarakat terhadap prinsip asas akidah dan hukum syarak. Walaupun majoriti pengamal dan pengguna air *ruqyah* melakukannya dengan niat yang baik dan dalam lingkungan yang dibenarkan syarak, wujud juga kecenderungan dalam sesetengah kalangan untuk mengagungkan jenis air tertentu seolah-olah air tersebut mempunyai kuasa penyembuh mutlak. Fenomena ini boleh menimbulkan implikasi akidah yang serius, kerana ia boleh membawa kepada bentuk kebergantungan yang bertentangan dengan asas tauhid, di mana kepercayaan terhadap keberkesanan sesuatu medium rawatan haruslah sentiasa disandarkan kepada izin dan kuasa Allah SWT semata-mata.

Selain itu, aspek budaya dalam amalan *ruqyah* juga mencetuskan perbincangan yang wajar diberikan perhatian. Dalam sesetengah kes, unsur-unsur adat dan tradisi seperti penggunaan jampi lama, ritual pemujaan tempat, atau pemilihan masa tertentu yang tidak bersandarkan dalil yang sahih telah diserap masuk ke dalam amalan *ruqyah* masyarakat. Meskipun hal ini berlaku secara tidak disengajakan dan dalam suasana kepercayaan yang telah lama tertanam, ia menuntut penilaian kritikal agar pemurnian akidah dan penyelarasan dengan hukum Islam dapat dilakukan secara berkesan. Justeru, keperluan untuk memberikan pencerahan kepada

masyarakat mengenai batasan yang memisahkan antara adat dan syariat menjadi semakin mendesak, terutamanya dalam konteks penyebaran amalan perubatan Islam yang semakin popular masa kini. Sehubungan itu, kajian ini mencadangkan beberapa langkah penting yang perlu diambil untuk memastikan amalan *ruqyah*, khususnya penggunaan air *ruqyah*, kekal dalam lingkungan syariah dan tidak terpesong akibat pengaruh budaya yang berlebihan. Pertama, pendidikan awam berkaitan *ruqyah syar'iyah* hendaklah diperluaskan melalui saluran masjid, institusi pendidikan dan media massa agar masyarakat dapat memahami dengan jelas garis panduan yang sah menurut Islam. Kedua, institusi agama seperti JAKIM, Jabatan Mufti Negeri dan Majlis Fatwa Kebangsaan wajar menggubal garis panduan rasmi yang dapat menjadi rujukan bagi pengamal dan masyarakat tentang kaedah penyediaan serta penggunaan air *ruqyah* yang sahih dari sudut syarak. Ketiga, pengamal perubatan Islam perlu diberi latihan dan pensijilan berdasarkan modul *ruqyah syar'iyah* yang berteraskan ilmu, akhlak dan prinsip *maqasid al-shari'ah* bagi mengelakkan amalan peribadi yang mungkin bercanggah dengan prinsip agama. Akhir sekali, penyelidikan lanjut perlu digalakkan bagi menilai keberkesanan air *ruqyah* dari sudut saintifik dan psikospiritual agar amalan ini dapat diperkukuh sebagai satu bentuk rawatan alternatif Islam yang diyakini dan berautoriti.

Dengan mengambil pendekatan yang sistematik, berilmu dan berpaksikan prinsip syariah, amalan *ruqyah* dalam masyarakat Melayu dapat dipelihara daripada unsur-unsur khurafat dan kebergantungan yang menyeleweng. Malah, ia berpotensi menjadi satu bentuk rawatan yang bukan sahaja menyembuhkan jasmani, tetapi juga memperkukuh spiritual dan akidah umat Islam secara holistik.

Rujukan

- Abdullah, R. (2024). Practices and beliefs and the level of understanding about superstitions related to shamans among Malay women. *Semarak International Journal of Islamic Studies and Culture*, 2(1), 1–17.
- Ahmad, K. & Suliaman, I. (2011). Realiti dan cabaran dalam rawatan Islam: Analisis hadith-hadith tentang pendekatan dan kaedah rawatan Nabi s.a.w merawat penyakit sihir. In *Seminar Antarabangsa Sunnah Nabawiah: Realiti dan Cabaran Semasa (MUSNAD)*. Universiti Malaya.
- Ahmad, K. (2012). Satu kajian kaedah rawatan sihir di pusat-pusat rawatan Islam di Malaysia. *PERSPEKTIF Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 4(1), 82–111.
- Al-Kafi li al-Fatawi. (2016, September 28). Al-Kafi #397: Hukum menjual produk yang di ruqyah dengan alatan elektronik. *Mufti Wilayah Persekutuan*. <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/1351-al-kafi-397-hukum-menjual-produk-yang-diruqyah-dengan-alatan-elektronik>
- Arip, N. A. & Amin, M. Z. M. (2022). Terapi air dingin sebagai ikhtiar penyembuhan masalah kerohanian menurut perspektif Sunnah. *Journal of Ma'alim al-Quran wa al-Sunnah*, 18(2), 34–56.
- Din, H. (2011). *Rawatan penyakit-penyakit jasmani* (Jil. 1). Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Darussyifa'.
- Hamzah, A. H., Pangayan, V. B., & Md Rasip, Z. (2024). Jampi Melayu dalam manuskrip tib MSS2515: Isu penulisan dan interpretasi budaya beragama masyarakat. *Jurnal Gendang Alam (GA)*, 14(2), 43–62.
- Ibn Qayyim I-Jawziyyah, A. 'A. (n.d.). *Zād al-ma'ād fī hady khayr al-'ibād* (Vol. 4). Dār al-Fikr.
- Ibrahim, M. F. (2024). *Irsyad Hukum Siri ke 829: Ruqyah menggunakan air rendaman kertas yang mengandungi ayat suci al-Quran*. <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad->

- fatwa/irsyad-fatwa-umum-cat/5848-irsyad-hukum-siri-ke-829-ruqyah-menggunakan-air-rendaman-kertas-yang-mengandung-ayat-suci-al-quran
- Ibrāhīm, M., ‘Abd al-Qādir, H., al-Zayyāt, M. H., & al-Najjār, M. ‘A. (n.d.). *Al-Mu‘jam al-wasīt* (Vol. 1). al-Maktabah al-Islāmiyyah.
- Indah, K. K. (2025). *Pendekatan komunikasi melalui ruqyah syar‘iyyah dalam penyembuhan pasien penyakit ‘ain di Lembaga Markaz Dakwah Bandar Lampung* (Tesis Sarjana, UIN Raden Intan Lampung).
- Khoiriyah, S. (2023). Ruqyah sebagai metode sufi healing. *Al Qalam: Jurnal Ilmiah Keagamaan dan Kemasyarakatan*, 16(6), 2507–2520.
- Nurhikmah, I. (2023). *Rutinitas pembacaan ayat-ayat ruqyah: Kajian living Qur'an di Pondok Pesantren Mathla'unnajah Sumedang* (Tesis PhD, UIN Sunan Gunung Djati Bandung).
- Omar, S. Z. S. & Said, M. H. M. (2024). Penggunaan air dan limau nipis sebagai bahan asas merawat pesakit gangguan jin: Tinjauan pengalaman pengamal dalam perubatan tradisional Melayu. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 50–58.
- Salleh, M. K. M., Manaf, M. F. A., & Kamaruzaman, M. A. S. (2021). Unsur khurafat dalam ajaran sesat di Malaysia: Analisis pandangan hukum Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*, 26(2), 144–157.
- Salleh, M. Y. Y. (2023). *Analisis unsur kearifan tempatan dalam adat kematian masyarakat Melayu daripada perspektif hukum Islam* (Tesis PhD, Universiti Malaya).
- Tan, A. A. & Redzwan, H. F. M. (2025). Kearifan tempatan melalui deskripsi diagnosis penyakit berdasarkan manuskrip perubatan tradisional Melayu. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 10(4), Article e003350. <https://mail.msocalsciences.com/index.php/mjssh/article/view/3350>
- Ulul Aedi. (2025). Antara warisan dan reformasi: Menyikap konsep Islam sinkretis dan Islam murni dalam masyarakat Muslim. *Pawarta: Journal of Communication and Da'wah*, 3(1), 15–26.
- Ulumi, H. F. B. (2024). *Sinkretisme dalam tradisi ziarah keramat di Banten*. Penerbit A-Empat.
- Yusof, M. Z. & Yusuff, N. A. (2021). Tinjauan amalan pengubatan komplimentari Islam dalam kalangan masyarakat Melayu di Kelantan. *International Journal of Education, Islamic Studies and Social Sciences Research*, 6(1), 45–50.
- Yusoff, A. N. M., Ismail, N. R. & Kassan, M. (2022). Kesan dan amalan santau dalam budaya masyarakat Nusantara. *ANP Journal of Social Science and Humanities*, 3, 17–29.
- Yusuff, A. N. M., Ab Razak, R. R., Ismail, N. R., Islam, A. H. M. S. S., & Abdul Aziz, M. H. (2022). Study of the needs of active nurses of the Darussyifa' Malaysian Islamic Medical Association on the ownership of Malaysian skills certificate (SKM) in ruqyah treatment: Kajian keperluan perawat-perawat aktif Persatuan Perubatan Islam Darussyifa' Malaysia terhadap pemilikan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dalam perawatan ruqyah. *al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 27(2), 62–70.